



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
(Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan) 1988
DR.4/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta (Pembahagian)
Pusaka Kecil 1955.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan) 1988.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Melainkan sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam seksyen 3 (2) dan (3), Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan dia boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. Seksyen 1 Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda dengan menambah selepas subseksyen (2) subseksyen baru (2A) seperti berikut:

Pindaan
seksyen 1.
Akta 98.

“(2A) This Act shall come into force in the Federal Territory of Labuan on such date as the Minister may by order specify, and such order may

provide for such modifications to this Act in its application in the Federal Territory of Labuan as the Minister may deem necessary, and also for the consequential repeal or amendment of any other written law in so far as it applies in the Federal Territory of Labuan.”.

Pindaan
seksyen 2.

3. (1) Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “and” yang terdapat di hujung perenggan (a) takrif “Collector”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “the other States” yang terdapat dalam perenggan (b) takrif “Collector” dengan perkataan “Sabah”, dan memasukkan perkataan “and” selepas koma bernoktah yang terdapat di hujung perenggan (b) itu;
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) dalam takrif “Collector” perenggan baru (c) seperti berikut:

“(c) in relation to the States in West Malaysia, the Land Administrator appointed for a district and includes any Assistant District Land Administrator appointed for the district or part thereof;”;
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan “having entered into occupation thereof before the 1st of October, 1949” yang terdapat dalam takrif “purchaser”; dan
- (e) dengan menggantikan koma bernoktah bagi noktah yang terdapat di hujung takrif “Registrar of Titles”, dan memasukkan selepas takrif itu takrif baru seperti berikut:

“ ‘State’ includes a Federal Territory.’.

(2) Perenggan-perenggan (a), (b) dan (c) subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 25hb Mac 1985.

(3) Perenggan (e) subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1974.

4. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "three hundred thousand ringgit" dengan perkataan-perkataan "six hundred thousand ringgit". Pindaan seksyen 3.

5. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "notwithstanding that the property in that district consists solely of movable property," selepas sahaja perkataan-perkataan "any other district" yang terdapat dalam proviso kepada subseksyen (2). Pindaan seksyen 4.

6. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "or a Settlement Officer of the district or" selepas sahaja perkataan "the penghulu" yang terdapat dalam subseksyen (1). Pindaan seksyen 8.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 11 seksyen baru 11A seperti berikut: Seksyen baru 11A.

"Collector's power to summon and examine witnesses, administer oaths or affirmations, and compel production and delivery of documents. 11A. (1) The Collector shall, in relation to the hearing of a petition for distribution, have all the powers of a Magistrates' Court in the exercise of its civil jurisdiction for the summoning and examination of witnesses (including any person on whom a notice of the petition is required to be served under section 9), for the administration of oaths or affirmations and for compelling the production and delivery to him of all documents, including issue documents of title and other documents evidencing title.

(2) Every person required to appear before, or to produce or deliver any document to, the Collector under subsection (1) shall be legally bound to do so within the meaning of sections 174 and 175 of the Penal Code."

Pindaan
seksyen 12.

8. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen baru (10) seperti berikut:

“(10) Where the Collector who is conducting or has conducted any hearing of a petition under this section dies, or is unable through illness, transfer or any other cause to exercise his functions under this Act, any other Collector may continue with the hearing or re-hear the whole or part of the evidence already taken or carry out any other function under this Act in relation to the petition.”.

Pindaan
seksyen 14.

9. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

“(3) In the case of any collateral dispute the Collector shall, after ensuring that all necessary parties are before him or have had sufficient opportunity to attend, proceed to hear and determine the dispute and may make such order thereon as may be just.”;

(b) dengan memotong subseksyen (4), (5), (6) dan (7); dan

(c) dengan memotong dalam subseksyen (10) perkataan-perkataan “and in any case referred to in subsection (5) shall by that distribution order transmit any land or any part or share thereof or interest therein, to the person beneficially entitled thereto notwithstanding that the person may not be a purchaser within the meaning of section 2”.

Pindaan
seksyen 15.

10. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “and” di hujung perenggan (b) subseksyen (4);

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) subseksyen (4) perenggan baru (bb) seperti berikut:

“(bb) may order that the undivided distributive share of any beneficiary in any land or lot be allocated to another beneficiary and that such other beneficiary pay to the first-mentioned beneficiary such sum of money as may be determined by the Collector to be the value of such undivided distributive share:

Provided that no order shall be made under this paragraph unless the Collector has first informed the beneficiaries concerned of the terms of his proposed order under this paragraph and the second-mentioned beneficiary has deposited with the Collector the sum of money proposed to be determined by the Collector as the value of the distributive share of the first-mentioned beneficiary;”;

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “; or” bagi noktah di hujung perenggan (c) subseksyen (4);
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (c) subseksyen (4) perenggan baru (d) seperti berikut:

“(d) may order the land or any part of it to be sold by tender among the beneficiaries in such manner as may be prescribed, but subject to a reserve price determined by the Collector which shall not be less than the market value of the land, or part of the land, as the case may be, at the date of the tender.”;

- (e) dengan memotong perkataan-perkataan “a Muslim or” dalam subseksyen (6).

Pindaan
seksyen 16.

11. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “as may be necessary”, dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “and shall act under subsection (3) where applicable”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen-subseksyen baru (3) dan (4) seperti berikut:

“(3) Where a sum of money in the possession of the Collector is payable to any person under or by virtue of a distribution order, the Collector shall deposit such sum of money with the Public Trustee if—

- (a) the whereabouts of such person are not known;
- (b) such person refuses to accept payment of such sum of money;
- (c) such person lacks legal capacity; or
- (d) for any other reason it is not practicable to pay such sum of money to such person.

(4) Where a sum of money has been deposited with the Public Trustee under subsection (3), the Public Trustee shall hold such sum as trustee for the person entitled to it, and may apply the same for the benefit of that person, or may pay the said sum to that person if he makes a claim thereto in writing and the Public Trustee is satisfied as to his identity, entitlement, and legal capacity to receive it.”.

Pindaan
seksyen 18.

12. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(1) Where a proprietor of any land has died and no proceedings, to the knowledge of a Settlement Officer of the district, or the

penghulu of the locality, in which the proprietor's land is situated, have within six months of the date of death been taken to obtain a grant of probate or letters of administration or for distribution under this Act of the estate of the deceased, the said Settlement Officer or the said penghulu shall report the matter to the Collector and the Collector may thereupon direct the Settlement Officer or the penghulu, or some other Settlement Officer of the district or some other penghulu, to lodge a petition for distribution of the estate unless he has reason to believe that the land was not part of a small estate, in which case he shall report the matter to the Official Administrator.”;

- (b) dengan memasukkan perkataan-perkataan “the Settlement Officer or” sebelum sahaja perkataan-perkataan “the penghulu” dalam subseksyen (2); dan
- (c) dengan menggantikan “Duty of Settlement Officer and penghulu.” bagi nota birai.

13. Seksyen 29 Akta itu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “in West Malaysia or the Court of a Magistrate of the First Class in East Malaysia, as the case may be” yang terdapat dalam subseksyen (2). Pindaan seksyen 29.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 1 Akta itu supaya membolehkan Akta itu dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Labuan pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah. Dalam perintah sedemikian Menteri boleh memperuntukkan ubahsuaian-ubahsuaian yang perlu kepada

Akta itu dalam pemakaiannya di Wilayah Persekutuan Labuan, dan juga pemansuhan atau pindaan berbangkit akan mana-mana undang-undang bertulis yang lain setakat mana ianya terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan.

3. *Fasal 3 (1) (a), (b) dan (c)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda takrif "Collector" dalam kaitannya dengan Malaysia Barat akibat pertukaran gelaran dari Pemungut (Collector) kepada Pentadbir Tanah (Land Administrator) di bawah Kanun Tanah Negara.
4. *Fasal 3 (1) (d)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda takrif "purchaser" dalam seksyen 2 Akta itu dengan menghapuskan darinya sekatan yang memakai takrif itu hanya kepada pembeli-pembeli (purchasers) yang telah masuk menduduki tanah sebelum 1hb October 1949.
5. *Fasal 3 (1) (e)* Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa perkataan "State" dalam Akta itu meliputi sesuatu Wilayah Persekutuan supaya meliputi pemakaian Akta itu di sesuatu Wilayah Persekutuan.
6. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 3 Akta itu supaya sesuatu pusaka simati yang mengandungi sepenuh atau sebahagiannya harta tak alih yang terletak dalam mana-mana Negeri dan tidak melebihi enam ratus ribu ringgit nilaianne akan menjadi pusaka kecil bagi maksud-maksud Akta itu. Hadnya pada masa ini ialah tiga ratus ribu ringgit.
7. *Fasal 5* Rang Undang-Undang bertujuan meminda proviso kepada subseksyen (2) seksyen 4 Akta itu supaya menjadikan jelas bahawa jika harta simati adalah terletak sebahagiannya di dalam satu daerah dan sebahagiannya di dalam daerah lain, suatu perintah di bawah proviso itu untuk petisyen bagi pembahagian dibicara dan diputuskan oleh Pemungut bagi mana-mana daerah selain daripada daerah di mana terletaknya bahagian terbesar harta itu mengikut nilainya, boleh dibuat walaupun harta dalam daerah lain itu mengandungi harta alih sahaja, jika ianya akan memberi kesenangan pada amnya kepada semua pihak atau saksi atau secara lainnya adalah suaimanfaat untuk mencapai keadilan.
8. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 8 Akta itu supaya membolehkan Pegawai Petempatan bagi daerah di mana tanah simati terletak memasukkan petisyen bagi pembahagian di bawah Akta itu jika tiada prosiding telah diambil untuk memperolehi pemberian probet atau surat kuasa mentadbir, atau pembahagian di bawah Akta itu, dalam tempoh enam bulan dari tarikh kematian tuanpunya tanah, jika diarahkan sedemikian dari Pemungut.

9. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memperkenalkan satu seksyen baru 11A dalam Akta itu supaya memberi kepada Pemungut segala kuasa Mahkamah Majistret untuk menyaman dan memeriksa saksi-saksi, untuk mentadbirkan sumpah dan ikrar, dan untuk memaksa pengemukaan dan penyerahan kepada Pemungut akan segala dokumen, termasuk dokumen-dokumen hakmilik keluaran dan lain-lain dokumen yang membuktikan hakmilik. Setiap orang yang tertakluk kepada kehendak sedemikian oleh Pemungut akan terikat di sisi undang-undang untuk mematuhi, dan kegagalan berbuat demikian akan menjadikannya boleh didakwa di bawah seksyen 174 atau 175, mengikut mana yang terpakai, dalam Kanun Keseksaan.

10. *Fasal 8* Rang Undang-Undang bertujuan menambahkan suatu subseksyen (10) baru dalam seksyen 12 Akta itu dengan mana-mana Pemungut lain boleh meneruskan pendengaran sesuatu petisyen atau mendengar semula keseluruhan atau sebahagian daripada keterangan yang telah diambil atau menjalankan apa-apa fungsi di bawah Akta itu berhubungan dengan sesuatu petisyen jika Pemungut yang sedang menjalankan atau telah menjalankan pendengaran sesuatu petisyen di bawah seksyen 12 mati, atau tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta itu oleh kerana sakit, bertukar atau apa-apa sebab yang lain.

11. *Fasal 9 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan menggantikan subseksyen (3) seksyen 14 dengan satu subseksyen baru supaya membolehkan Pemungut mendengar dan memutuskan apa jua pertikaian kolateral berhubungan dengan pusaka simati. Efek pindaan ini ialah menghapuskan kehendak sekarang supaya Pemungut memberi kepada pihak-pihak peluang untuk mengambil prosiding di Mahkamah bagi memutuskan kategori-kategori tertentu pertikaian kolateral, sebelum Pemungut mendengar dan memutuskannya.

12. *Fasal 9 (b) dan (c)* Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada seksyen 14 Akta itu, iaitu pindaan-pindaan yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat oleh *fasal 9 (a)*.

13. *Fasal 10 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 15 Akta itu dengan memasukkan dalam subseksyen (4) satu perenggan baru (*bb*) yang membolehkan Pemungut memerintahkan supaya syer pembahagian yang tak dipecahkan bagi mana-mana benefisiari dalam mana-mana tanah atau lot diuntukkan kepada benefisiari lain, dan memerintahkan benefisiari lain itu membayar kepada benefisiari yang syer pembahagiannya telah diuntukkan itu nilai bagi syer pembahagian itu. Tetapi, sebelum Pemungut membuat perintah sedemikian dia

hendaklah memberitahu benefisiari-benefisiari yang berkenaan mengenai terma-terma perintah yang dicadangkan itu dan benefisiari yang akan diuntukkan syer pembahagian yang tak dipecahkan dalam tanah itu mestilah menandatangani dengan Pemungut jumlah wang yang dicadangkan untuk ditentukan oleh Pemungut sebagai nilai syer sedemikian.

14. *Fasal 10 (d)* Rang Undang-Undang bertujuan untuk menambahkan satu perenggan baru (d) dalam subseksyen (4) seksyen 15 Akta itu dengan mana Pemungut diberikuasa untuk memerintahkan supaya mana-mana tanah atau mana-mana bahagian tanah kepunyaan pusaka simati dijual melalui tender di antara benefisiari-benefisiari dengan cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 30 Akta itu, tetapi tertakluk kepada harga rizab yang ditetapkan oleh Pemungut, yang mana hendaklah tidak kurang daripada nilai pasaran tanah itu pada tarikh tender.

15. *Fasal 10 (e)* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda subseksyen (6) seksyen 15 Akta itu supaya subseksyen itu (yang memerlukan persetujuan setiap benefisiari yang beragama Islam atau yang menjadi bumiputra Sabah atau Sarawak terhadap perintah pembahagian yang dibuat oleh Pemungut dengan cara selain daripada dengan persetujuan di antara benefisiari-benefisiari) tidak terpakai dalam hal benefisiari-benefisiari yang beragama Islam.

16. *Fasal 11* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta itu dengan menambahkan subseksyen baru (3) dan (4) dengan mana Pemungut dikehendaki menandatangani dengan Pemegang Amanah Raya apa-apa jumlah wang dalam simpanan Pemungut yang kena dibayar kepada mana-mana orang di bawah atau menurut suatu perintah pembahagian jika tempat beradanya orang itu tidak diketahui, atau jika orang itu enggan menerima bayaran, atau jika orang itu tidak mempunyai keupayaan di sisi undang-undang, atau jika atas apa-apa sebab lain adalah tidak mudah untuk membayar jumlah wang itu kepada orang itu. Jumlah wang yang didepositkan dengan Pemegang Amanah Raya hendaklah dipegang olehnya secara amanah untuk orang yang berhak terhadapnya, dan boleh digunakan olehnya bagi manfaat orang itu, atau boleh dibayar oleh Pemegang Amanah Raya kepada orang itu jika orang itu membuat tuntutan untuknya secara bertulis dan Pemegang Amanah Raya berpuas hati tentang identiti orang itu, haknya terhadap jumlah wang itu, dan keupayaannya di sisi undang-undang untuk menerimanya.

17. *Fasal 12* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta itu supaya seksyen itu terpakai kepada Pegawai Petempatan sepertimana ianya sekarang terpakai kepada penghulu, supaya Pegawai Petempatan juga adalah dikehendaki

(di samping penghulu dikehendaki membuat sedemikian) melaporkan kepada Pemungut mana-mana kes di mana tuannya mana-mana tanah yang terletak dalam daerah Pegawai Petempatan itu telah mati dan tidak ada apa-apa prosiding diambil dalam tempoh enam bulan dari kematian itu untuk memperolehi pemberian probet atau surat kuasa mentadbir, atau untuk pembahagian di bawah Akta itu, akan pusaka simati. Pemungut boleh, setelah laporan sedemikian dibuat, mengarahkan Pegawai Petempatan itu, atau Pegawai Petempatan yang lain, supaya memasukkan petisyen untuk pembahagian pusaka itu jika tanah itu adalah sebahagian daripada pusaka kecil.

18. *Fasal 13* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda subseksyen (2) seksyen 29 Akta itu sebagai bangkitan daripada perluasan Akta Mahkamah Rendah 1948 ke Sabah dan Sarawak.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1395.]

